

## **ANALISA FATWA BERKAITAN AKIDAH DALAM FILEM DI MALAYSIA: SOROTAN 2005-2018**

**AN ANALYSIS ON THE AQIDAH FATWAS WITHIN  
FILMS IN MALAYSIA: A REVIEW FROM 2005-2018**

***Hajar Opir\*, Muhammed Yusof\*\*, Norrodzoh Siren\*\*,  
Luqman Abdullah\*\*, Wan Yusnee Abdullah\*\*\****

\*Academy of Contemporary Islamic Studies. MARA  
University of Technology (UiTM). 40450. Shah Alam.  
Selangor. Malaysia.

\*\*Academy of Islamic Studies. University of Malaya.  
50603. Kuala Lumpur. Malaysia.

\*\*\*Centre for Foundation dan General Studies. Universiti  
Selangor (UNISEL). 40000. Shah Alam. Selangor.  
Malaysia.

Email: \*hajar\_opir@uitm.edu.my

DOI: [https://doi.org/10.22452/ afkar.sp2020no1.6](https://doi.org/10.22452/afkar.sp2020no1.6)

### **Abstract**

Film is one of the artistic manuscripts that influences society. Islam, as a merciful religion towards mankind, does not neglect this aspect. In fact, it guides films to comply with the demand of *shara'*. The recent development of films focuses on horror stories as a genre so favored by the general that it touches '*aqidah* issues. Therefore, the Fatwa Council plays an important role in tackling this issue to assist those in film industry in producing high quality film and complying with sharia. Hence, this study aims to analyses *fatwas* in the aspect of '*aqidah* associated to films to see whether the *fatwas* used are gazette or not. This study is in the form of qualitative. The method used is content analysis through literature review by examining the *fatwas* made on any related issues in films. The findings show that *fatwas* related to '*aqidah* in films are significant, however, they are not often discussed by the Fatwa Council in the national or state level.

**Keywords:** Film; Shari‘ah compliance; fatwa; Fatwa Council; ‘aqidah issue.

### **Khulasah**

Filem merupakan salah satu naskhah seni yang mempengaruhi masyarakat. Islam sebagai agama rahmah kepada seluruh manusia tidak meminggirkan aspek ini malah memandu agar selari dengan kehendak syarak. Perkembangan filem masa kini mula tertumpu kepada cerita-cerita seram sebagai genre yang diminati oleh khalayak sehingga menyentuh isu-isu akidah. Justeru, Majlis Fatwa memainkan peranan penting dalam menangani isu tersebut bagi membantu pemain industri filem menerbitkan filem-filem yang berkualiti dan memenuhi kriteria syariah. Oleh itu, kajian ini bertujuan menganalisa fatwa dalam aspek akidah yang berkaitan dengan filem sama ada fatwa yang diwartakan atau tidak diwartakan. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan metode kajian menggunakan analisa kandungan melalui penyelidikan perpustakaan dan dokumen dengan membuat penelitian fatwa yang dikeluarkan terhadap isu-isu yang berkaitan akidah dalam filem. Hasil kajian mendapati fatwa berkaitan akidah dalam filem adalah signifikan tetapi kurang dibincangkan oleh Majlis Fatwa di peringkat kebangsaan atau negeri.

**Kata kunci:** filem; patuh Syariah; fatwa; Majlis Fatwa; isu akidah.

### **Pendahuluan**

Akidah merupakan asas kepada kepercayaan seseorang muslim. Ia menjadi simpulan, ikatan dan pegangan kuat yang diyakini dalam hati.<sup>1</sup> Ini bermaksud kepercayaan yang jitu dan pasti tanpa sebarang keraguan berdasarkan pertimbangan dalil yang benar sehingga mencapai tahap

---

<sup>1</sup> Muṣṭafā Sa‘īd al-Khin, *al-‘Aqīdah al-Islāmiyyah: Arkānuhā ḥaqqā’i quhā Mufsidatuhā*, cet. 1 (Damsyik: Dār Ibn Kathīr, 1996), 17.

keyakinan yang mutlak.<sup>2</sup> Asas akidah ini terbina berdasarkan swadaya kepada rukun iman yang meliputi kepercayaan kepada Allah,<sup>3</sup> Rasul,<sup>4</sup> Malaikat,<sup>5</sup> Kitab<sup>6</sup> dan qada’ dan qadar<sup>7</sup> serta hari kiamat.<sup>8</sup>

Keutuhan akidah terbentuk dari jalinan tiga unsur iaitu unsur pemikiran (*‘aql*), daya memilih (*irādah*) dan perasaan (*wujdān*).<sup>9</sup> Doktrin asasi ini mampu membentuk dan mencorak segenap kehidupan mencakupi pemikiran, emosi dan tingkah laku bersandarkan syariat Islam sehingga umat Islam benar-benar tunduk dan patuh kepada perintah Allah SWT.<sup>10</sup>

Oleh itu, manifestasi daripada keutuhan akidah akan melahirkan seseorang termasuk mereka yang terlibat dalam bidang seni untuk memandang sesuatu bukan hanya sekadar perkara yang boleh ditanggapi oleh pancaindera semata tetapi sentiasa berpaksikan kepada keimanan yang mantap. Justeru, mereka memahami bahawa setiap apa yang dilakukan oleh manusia akan dipertanggungjawabkan oleh Allah SWT di hari akhirat kelak. Jelas, pandangan akidah ini berfungsi sebagai piawaian dalam segenap tindakan manusia.<sup>11</sup> Dengan gambaran seperti ini seniman Islam selalu didorong untuk menghasilkan karya-karya yang dapat membawa masyarakat ke arah mengenal penciptaNya, menggagaskan ke arah ketakwaan kepada Allah SWT,

---

<sup>2</sup> *Ibid.*

<sup>3</sup> Surah al-Ikhlas, 112: 1.

<sup>4</sup> Surah Ibrahim, 14:4.

<sup>5</sup> Surah al-Baqarah, 2: 285.

<sup>6</sup> Surah al-Nahl, 16: 89.

<sup>7</sup> Surah al-Qamar, 54: 49.

<sup>8</sup> Surah al-Zumar, 39: 7.

<sup>9</sup> Mohd Sulaiman Hj. Yasin, *Pengantar Akidah* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987), 171.

<sup>10</sup> Muhammad Hamidullah, *Introduction to Islam*, vol. 2 (International Islamic Federation of Student Organization, 1983), 78.

<sup>11</sup> *Ibid.*, 167.

menyuruh kepada kebaikan dan membentuk budi, adab serta sahsiah yang murni.

Dalam konteks filem, fungsinya sebagai medium menyampaikan mesej yang mencakupi perkakasan (*hardware*), perisian (*software*), kaedah dipersembahkan (*userware*) dan seni persempahan (*underware*) tidak dapat dinafikan<sup>12</sup>. Ia mampu mempengaruhi khalayak yang menontonnya malah merangsang tindak-tanduk, membentuk perilaku dan mengufuk pemikiran masyarakat. Ini dibuktikan oleh kajian Azizi Yahaya et. Al,<sup>13</sup> Ab. Halim Tamuri dan Zarin Ismail,<sup>14</sup> Wan Norina Wan Hamat et. al.<sup>15</sup> dan Abdullah Sulong serta Mawaddah Abdullah.<sup>16</sup> Kajian Juliana Abdul Wahab dan Mahyuddin Ahmad pula mengabsahkan kolerasi yang signifikan antara filem dan ideologi.<sup>17</sup> Manakala Zoheir Sabaghpor berpendapat bahawa garapan filem dapat mengeksploitaskan emosi seseorang individu.<sup>18</sup>

---

<sup>12</sup> Naim Hj Ahmad, *Filem Islam Satu Perbicaraan* (Shah Alam, Selangor: Uni-N Production Sdn. Bhd., 2011), 33.

<sup>13</sup> Azizi Yahaya, et al, “Pengaruh Media Berunsur Agresif dan Kesannya Terhadap Tingkahlaku Pelajar Sekolah Menengah”, (Proceeding of National Action Research Conference, 2014).

<sup>14</sup> Ab. Halim Tamuri dan Zarin Ismail, “Pengaruh Media Massa Terhadap Pegangan Nilai Akhlak Remaja: Kajian Ke Atas Fakir Miskin di Kawasan Luar Bandar” (Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004), Hotel City Bayview Langkawi, 4-6 September 2004), 8.

<sup>15</sup> Wan Norina Wan Hamat, et al, “Pengaruh Media Massa Terhadap Penampilan Akhlak Pelajar Islam Politeknik Malaysia”, *The Online Journal of Islamic Education* Vol 1, (2013), 17-27.

<sup>16</sup> Abdullah Sulung dan Mawaddah Abdullah, *Pengaruh Media Elektronik Terhadap Keruntuhan Akhlak Pelajar*, [http://eprints.utm.my/id/eprint/10835/1/Pengaruh\\_Media\\_Elektronik\\_Terhadap\\_Keruntuhan\\_Akhlik\\_Pelajar.pdf](http://eprints.utm.my/id/eprint/10835/1/Pengaruh_Media_Elektronik_Terhadap_Keruntuhan_Akhlik_Pelajar.pdf).

<sup>17</sup> Juliana Abdul Wahab dan Mahyuddin Ahmad, “Filem Box Office dan Ideologi: Satu kajian Terhadap Filem-filem Terpilih di Malaysia,” *Journal of Arts Discourse* Vol 8 (2009), 44-68.

<sup>18</sup> Zoheir Sabaghpor Azarian, “Influence of Media Viewing Habits on Attitude towards Aggression among Scholboys at International

Namun, perkembangan filem dewasa ini mengalami anjakan perubahan yang pantas. Kini filem telah merentasi pelbagai genre dan tema malah cerita-cerita seram menjadi kegilaan khalayak penonton sehingga ia menyentuh isu-isu akidah. Ini diperkuatkan dengan kajian Monika Munirah Abd Razzak et. al. terhadap tiga filem bergenre seram di Malaysia yang mendapati bahawa aspek watak mendominasi unsur syirik dalam penceritaan filem tersebut<sup>19</sup>. Antaranya roh orang yang mati tidak tenteram, perjanjian bomoh dengan syaitan dan seruan memanggil jin. Perkara yang sama dikaji oleh Faridah Mat<sup>20</sup> manakala Azlina Asaari dan Jamaluddin Aziz<sup>21</sup> serta Siti Aisyah Hadi Munir dan Muhammad Faisal Asha’ari<sup>22</sup> berpendapat bahawa terdapat kolerasi yang signifikan antara filem seram dengan penjejasan akidah.

Justeru, bagi memastikan filem terus berada dalam kerangka kepatuhan syarak maka kewujudan fatwa adalah sangat relevan. Fatwa mempunyai peranan yang signifikan dalam konteks sebuah badan yang bertindak sebagai memberi panduan, nasihat dan menentukan hukum terhadap isu-isu filem yang melibatkan hukum syarak.<sup>23</sup>

---

School in Kuala Lumpur”, (disertasi sarjana, Institut Pengajian Sains Sosial, Universiti Putra Malaysia, 2009).

- <sup>19</sup> Monika Munirah Abd Razzak et al., “Pengaruh Filem Terhadap Akidah Muslim: Analisis Unsur-unsur Syirik dalam Tiga Filem Seram”, (*International Conference on Islamic Jurisprudence (ICIJ)* 2016, Krabi Front Bay Resort, Krabi, Thailand, 29 Oktober 2016), 474-483.
- <sup>20</sup> Faridah Mat, “Unsur-unsur yang Bertentangan dengan Akidah Islam dalam Filem Bollywood”, (disertasi sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006).
- <sup>21</sup> Azlina Asaari dan Jamaluddin Aziz, “Mencabar Ideologi Maskulin: Wanita dan Saka dalam Filem Seram di Malaysia”, *Jurnal Komunikasi* Vol. 19 (2013), 113-126.
- <sup>22</sup> Siti Aisyah Hadi Munir dan Muhammad Faisal Asha’ari, “Kesan Filem Seram terhadap Pegangan Agama: Suatu Tinjauan Literatur”, *Jurnal Al-Hikmah* Vol. 9 (2017), 33-48.
- <sup>23</sup> Fatwa bermaksud keputusan tentang sesuatu hukum agama (yang belum pernah diputuskan lagi) berdasarkan nas al-Qur'an, hadis dan

Ini bertepatan dengan perkara 3(1) iaitu Islam ialah agama bagi Persekutuan maka usaha-usaha bagi menegakkan syariat Islam hendaklah menjadi prioriti termasuk keseniaan dan kebudayaan. Justeru, kerajaan hendaklah mengambil langkah-langkah pro-aktif bukan sahaja melalui pencegahan pentadbiran (*sadd al-zarā'i*)<sup>24</sup> sahaja tetapi menggunakan penguatkuasaan undang-undang melalui statut dan fatwa khususnya dalam isu akidah.<sup>25</sup>

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif melalui analisis kandungan. Pengumpulan data adalah berdasarkan analisa kandungan fatwa-fatwa berkaitan akidah dalam hiburan dan filem yang dikeluarkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Majlis Fatwa, Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam (MJMFK) dan jawatankuasa atau Majlis Fatwa Negeri (MFN). Kaedah dokumentasi dilakukan terhadap pelbagai dokumen yang pelbagai sama ada daripada MJMFK atau MFN dalam ruang lingkup yang sama iaitu filem.

Oleh kerana keputusan fatwa lazimnya dalam bentuk teks yang ringkas dan tidak disertakan dengan sumber rujukan serta hujah berkaitan dengannya, maka metode dokumentasi turut dikemukakan bagi menjelaskan hujahan dalil sehingga hukum tersebut diputuskan.

---

sumber hukum lain termasuk ijтиhad oleh mufti (atau mereka yang berwenang tentang keputusan hukum syarak).

<sup>24</sup> Ia bermaksud menghalang daripada berlakunya perkara fasad atau menghalang jalan yang membawa kepada sesuatu yang dilarang yang merangkumi sesuatu yang menyebabkan kerosakan. Contohnya melihat aurat wanita ajnabi sesungguhnya ia boleh membawa kepada zina.

<sup>25</sup> Jasni Sulong, “Pemeliharaan Akidah Islam: Analisa daripada Sudut Penguatkuasaan Undang-undang dan Fatwa di Pulau Pinang”, *Jurnal Afkar* Vol. 18,(Edisi Khas) (2016), 1-34.

## **Bidangkuasa Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dan Negeri Dalam Menangani Isu Akidah Dalam Penerbitan Filem**

Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (JMFK) telah ditubuhkan pada awal tahun 1970. Ia berfungsi sebagai sebuah intitusi pengeluar fatwa peringkat nasional bagi menyelaras dan menyeragamkan keputusan fatwa di seluruh negara.<sup>26</sup> Manakala Muzakarah Jawatankuasa Fatwa pula merupakan wahana untuk membincangkan setiap persoalan yang berbangkit mengenai hukum syarak oleh JMFK.<sup>27</sup> Untuk itu, tugasnya adalah membincang, menimbang dan menguruskan apa-apa perkara yang dirujuk kepada majlis oleh Majlis Raja-raja, Kerajaan Negeri atau Majlis Agama Islam Negeri atau seseorang ahli Majlis dengan tujuan untuk memberi nasihat atau mengesyorkan mana yang termaktub dalam perkara 14 Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKBHEAIM).<sup>28</sup>

Terdapat tiga bentuk Fatwa yang dikeluarkan iaitu fatwa yang diwartakan, jawapan-jawapan fatwa yang diputuskan dalam mesyuarat jawatankuasa fatwa dan fatwa yang dikeluarkan secara persendirian oleh Sohibus Samahah (SS) Mufti sama ada secara lisan atau bertulis. Di Malaysia pihak berautoriti berkaitan fatwa adalah Majlis Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal

---

<sup>26</sup> Noor Naemah Abd Rahman, Abdul Karim, Rahimin Affandi Abd Rahim dan Raihanah Azhari, “Metode Pengeluaran Fatwa di antara Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Malaysia (JFK) dan Majlis Ulama Indonesia (MUI): Analisa Perbandingan”, (Seminar Antarabangsa Hubungan Indonesia-Malaysia, (2005), Fakulti Komunikasi dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia, 7-8 Ogos 2005).

<sup>27</sup> Arik Sanusi Yeop Johari, “Penyelarasan Fatwa di Malaysia: Kekangan dari Aspek Perundangan”, dalam Monograf Al-Ifta’, siri 1, ed. Hajah Wan Morsita Wan Sudin (Selangor: JAKIM, 2001), 86.

<sup>28</sup> Zaini Nasohah, “Undang-undang Penguatankuasaan Fatwa di Malaysia”, *Jurnal Islamiyyat* Vol. 27(1), (2005), 25-44.

Ugama Islam Malaysia (MJMFK) dan Majlis Fatwa Negeri (MFN).

Perbezaan kedua-dua institusi tersebut adalah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bersifat nasional yang berfungsi untuk menyelaras dan menyeragamkan keputusan fatwa di seluruh negara dan tidak mempunyai autoriti untuk diwartakan. Manakala fatwa di peringkat negeri mempunyai kredibiliti untuk mewartakan fatwa dan mempunyai implikasi perundangan. Justeru fatwa bukan semata-mata penerangan mengenai hukum syarak yang tidak mempunyai nas tetapi penerangan hukum syarak yang bersifat perundangan yang boleh dikuatkuasakan dan diambil tindakan bagi penduduk Islam yang melanggarnya.

### **Analisa Fatwa Berkaitan Isu Akidah dalam Penerbitan Filem**

Terdapat enam fatwa berkaitan akidah dalam filem dan elemen yang berkaitan dengannya yang telah dikeluarkan sehingga 2018. Ia terdiri daripada tiga fatwa yang dikeluarkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam (MJMFK), dua fatwa yang diwartakan di negeri Selangor dan satu fatwa yang diwartakan di negeri Johor. Keputusan fatwa-fatwa ini diperolehi daripada portal rasmi fatwa Malaysia.<sup>29</sup> Fatwa-fatwa tersebut adalah seperti jadual berikut:

Jadual 1: Fatwa-Fatwa Berkaitan Filem di Malaysia

Bil	Tajuk Fatwa	Kategori Fatwa	Tarikh Keputusan
1	Hukum Mengiringi Bacaan al-Qur'an Dengan Muzik dan Menggunakan Matan Hadith, Terjemahan al-Qur'an serta Terjemahan Hadith sebagai Lirik Lagu	MFNSel	20 Disember 2012

<sup>29</sup> Majlis Fatwa Kebangsaan, <http://www.e-fatwa.gov.my/>.

2	Hukum Tarian Poco-poco dan Seumpamnya Menurut Perspektif Islam	MJMFK	12 April 2011
3	Pandangan Berkenaan Filem Menghina dan Mempersenda Tuhan dan Nabi Nuh A. S	MFNJoh	4 Jun 2009
4	Hukum Rakaman Nasyid Berbentuk Doa	MFNSel	5 Februari 2007
5	Amalan Kebatinan Dalam Kesenian Tradisi Masyarakat Melayu	MJMFK	2007
6	Hukum Rakaman Lagu-lagu Nasyid Bentuk Doa	MJMFK	13 Jun 2005

**i. Hukum Mengiringi Bacaan al-Qur'an dengan Muzik dan Menggunakan Matan Hadith, Terjemahan al-Qur'an serta Terjemahan Hadith sebagai Lirik Lagu (MFNSel, 20 Disember 2012)**

Fatwa Negeri Selangor telah memutuskan bahawa hukum mengiringi bacaan al-Qur'an dan matan hadis dengan muzik serta menjadikan ayat-ayat al-Qur'an dan matan hadis sebagai lirik lagu adalah diharamkan.

Kedudukan Al-Qur'an sebagai sumber primer dalam syariat tidak dapat disangkal. Ia adalah tunjang kepada perubahan kepercayaan yang benar. Justeru, al-Qur'an mestilah dimartabatkan dan dimuliakan. Imam Abū Hanīfah menyatakan bahawa haram bacaan al-Qur'an dengan irungan ketukan rebana atau buluh.<sup>30</sup> Malah Ibn Farhūn al-Mālikī seorang ulama Maliki yang terkenal menegaskan bahawa irungan muzik semasa bacaan al-Qur'an adalah perbuatan yang tidak menghormati ayat-ayat Allah SWT dan boleh membawa kepada kafir.<sup>31</sup> Ia

<sup>30</sup> Nu'mān bin Thābit, *Fatāwā Hindiyyah*, cet. 2, vol. 2 (Mesir: Maṭba'ah al-Kubrā al-Amīriyyah, 1320 H), 267.

<sup>31</sup> Muḥammad bin Farhūn al-Mālikī, *Tabshīrah al-Hukkām*, jil. 2 (Riyadh: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2003), 214.

juga ditegaskan oleh Aḥmad bin ‘Abd al-Rahmān al-Tawīl.<sup>32</sup>

Jelas, keputusan fatwa ini adalah selaras dengan pandangan Muḥammad Mutawallī al-Sha‘rawī yang menjelaskan bahawa menjadi kewajipan kepada orang yang sedang mendengar al-Qur’ān untuk ‘*istami‘ū*’ iaitu mendengar dengan penuh tekun dan ‘*anṣitū*’ iaitu diam dengan penuh penghayatan. Ia merupakan sebaik-baik adab kepada Allah SWT kerana al-Qur’ān adalah *kalāmullāh*.<sup>33</sup> Ini berdasarkan firman Allah SWT;

وَإِذَا قُرِئَ الْقُرْءَانُ فَأَسْمِعُوهُ لَهُ وَأَنْصِثُوا لَعَلَّكُمْ  
تُرْحَمُونَ

Terjemahan: Dan apabila dibacakan al-Qur’ān, maka Dengarkanlah baik-baik, dan perhatikanlah dengan tenang agar kamu mendapat rahmat.

Al-A’raf 7:204

Dalam kondisi bacaan tersebut, ulama berbeza pandangan adakah dalam semua keadaan atau terikat kepada waktu-waktu tertentu sahaja. Terdapat tiga pandangan ulama dalam isu ini iaitu;

Pertama: Dengan mendengar dan diam ketika dalam keadaan solat.

Kedua: Diam ketika dalam keadaan solat, khutbah jumaat dan khutbah dua hari raya.

Ketiga: Diam dalam semua keadaan sebagai

<sup>32</sup> Aḥmad bin ‘Abd al-Rahmān al-Tawīl, *al-Šawt Ahkāmu wa Tajalliyātuhi* (t.t.p: Maktabah al-Rushd, 2010), 243.

<sup>33</sup> Muḥammad Mutawallī al-Sha‘rawī, *al-Mukhtaṣar al-Mukhtār min Tafsīr al-Sha‘rawī li al-Qur’ān al-‘Aẓīm*, vol. 1 (Kaherah: Dār al-Raudah, 2009), 246.

penghormatan kepada  
kalam Allah.

Muhammad Mutawalli al-Sha'rawi menyatakan bahawa pandangan ketiga lebih baik dan diutamakan. Ia merupakan tuntuan kepada semua agar mendengar al-Qur'an dengan penuh kekhusukan dan diam penuh penghayatan. Ia tidak terhad hanya ketika dalam keadaan solat, khutbah Jumaat dan dua hari raya sahaja bahkan dalam semua situasi sebagai bukti penghormatan kita kepada kalam Allah. Berhubung bacaan al-Qur'an yang diiringi muzik pula, berdasarkan perbahasan di atas ia ditegah dan dilarang. Para ulama menukilkan pengharaman iringan muzik ketika bacaan al-Qur'an diperdengarkan kerana ia termasuk dalam perkara meremeh atau memperkecilkan ayat-ayat Allah SWT.

Dalam konteks lirik lagu yang menggunakan ayat al-Qur'an pula Nāṣir Ibn Ḥamad al-Fahd menegaskan perbuatan tersebut adalah haram dan berdosa besar sehingga boleh membawa kepada status *murtad* (terkeluar daripada Islam). Beliau berpandangan bahawa ayat-ayat al-Qur'an wajib dihormati dan dijaga. Malah ia adalah kalam Allah yang merupakan salah satu sifat Allah SWT. Sedangkan nyanyian pula adalah salah satu medium hiburan yang cenderung kepada *istihzā'* (memperolok-olok), *lahwun* (bermain-main) dan senda gurau.<sup>34</sup> Hakikatnya ayat-ayat al-Qur'an tidak boleh dimanipulasi dalam bentuk hiburan seperti nyanyian. Ini berdasarkan firman Allah SWT:

وَلِئِن سَأَلْتُهُمْ لَيَقُولُنَّ إِنَّمَا كُنَّا نَحْوُضَ وَنَلْعَبُ قُلْ  
أَبِاللَّهِ وَعَائِيَتِهِ وَرَسُولِهِ كُنْتُمْ تَسْتَهْزِئُونَ لَا

---

<sup>34</sup> Risālah fī ḥukm al-Ghīna' bi al-Qur'añ, laman web rasmi Mimbar al-Tawḥīd wa al-Jihād, diakses 7 Februari 2017, [http://www.ilmway.com/site/maqdis/MS\\_22544.html](http://www.ilmway.com/site/maqdis/MS_22544.html)

تَعْذِيرُواْ قَدْ كَفَرُتُمْ بَعْدَ إِيمَانِكُمْ إِن تَعْفُ عَنْ  
ظَلَاقَةٍ مِّنْكُمْ نُعَذِّبُ ظَلَاقَةً بِأَنَّهُمْ كَانُواْ مُجْرِمِينَ

Terjemahan: Dan jika kamu tanyakan kepada mereka (tentang apa yang mereka lakukan itu), tentu mereka akan menjawab: “Sesungguhnya kami hanya bersenda gurau dan bermain-main saja”. Katakanlah: “Apakah dengan Allah, ayat-ayat-Nya dan Rasul-Nya kamu selalu berolok-olok?” Tidak usah kamu minta maaf, kerana kamu kafir sesudah beriman

Al-Taubah 9:65-66

Para ulama sepakat bahawa ayat ini menjadi dalil yang tuntas tentang status kafir bagi mereka yang memperolok dan mempersendakan Allah SWT, rasulNya dan ayat al-Qur'an walaupun dengan bermain-main atau untuk hiburan semata-mata. Al-Qādī ‘Iyād menegaskan bahawa orang yang meremehkan al-Qur'an atau *mushaf* walaupun terhadap sebahagian isi kandungannya, maka orang tersebut termasuk dalam golongan kafir menurut kesepakatan para ulama.<sup>35</sup> Oleh itu, termasuk dalam kategori ini adalah lirik lagu yang menggunakan ayat-ayat al-Qur'an.

Selain itu, terdapat lirik lagu nasyid di Malaysia yang menggunakan ayat suci al-Qur'an dan menggunakan rentak lagu rock yang boleh membawa kepada syirik dan mengubah hukum Allah serta membuatkan maksud ayat tidak dapat difahami. Hal ini kerana ayat al-Qur'an mesti dialunkan dengan cara yang telah ditetapkan dan dengan mengikut hukum tajwid dan wakaf ayat al-Qur'an yang betul.<sup>36</sup>

<sup>35</sup> Al-Qādī ‘Iyād, *Sharḥ al-Shīfā’* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ālamiyah, 2001), 2:545.

<sup>36</sup> Muhammed bin Yusof, *Nasyid di Radio Dakwah: Kajian Terhadap Nasyid di Radio IKIM.FM* (Tesis PhD Jabatan Dakwah dan

Bagaimana pula dengan status lirik lagu yang menggunakan matan hadis? Dalam surah al-Taubah ayat 65 dan 66 menyebut berkenaan meremeh atau bersenda gurau terhadap RasulNya. Secara langsung ia menjadi indikator yang mencakupi pengertian ini. Justeru, lirik dalam matan hadis juga sama statusnya dengan ayat al-Qur’anyang mesti dijaga dan dihormati.

Berdasarkan perbincangan di atas jelas menunjukkan bahawa hukum mengiringi bacaan al-Qur'an dengan muzik dan menggunakan ayat al-Qur'an dan matan hadis sebagai lirik lagu adalah haram kerana ia jelas boleh membawa kepada implikasi negatif terhadap akidah seseorang.

Walau bagaimanpun, para ulama membenarkan kaedah *iqtibās* (meniru) iaitu memuatkan sesuatu dari ayat al-Qur'an di dalam ucapan atau tulisan sama ada yang berbentuk syair ataupun bukan syair, dengan cara yang tidak mengandung pengisyaratannya bahwa itu adalah dari al-Qur'an. Menurut Ibn Muflīḥ *iqtibās* dengan memuatkan sesuatu ayat al-Qur'an di dalam *nāzam* (sya'ir) dan *natsr* (ungkapan biasa) adalah harus dan dibolehkan<sup>37</sup>. Ini menjadi hujah yang konkrit bahawa lirik lagu yang menggunakan kaedah *iqtibās* terhadap ayat al-Qur'an dan matan Hadis adalah dibenarkan oleh Islam.

Oleh itu, apakah status lirik lagu yang menggunakan terjemahan ayat al-Qur'an dan Hadis? Terdapat kaedah fiqh yang telah ditetapkan oleh ulama dan boleh digunakan terhadap sesuatu perkara yang bersifat dunia. Kaedah fiqh tersebut adalah; الأصل في الأشياء الإباحة iaitu asal sesuatu perkara adalah harus (dibolehkan).

Menurut Yūsuf al-Qarāḍawī sesuatu pengharaman mestilah terdapat nas yang tegas dan sahih sama ada al-

---

Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2012), 266-267.

<sup>37</sup> 'Abd Allāh Ibn Muflīḥ al-Maqdisī, *al-Adāb al-Shar'iyyah*, no.3, vol. 2 (Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 1999), 289.

Qur'an, hadis atau ijmak yang menyakinkan. Jika terdapat ijmak atau nas yang tegas tetapi tidak sahih atau sahih tetapi tidak tegas mengharamkan sesuatu, maka ia tidak akan mempengaruhi kehalalannya dan tetap kekal berada di dalam lingkungan kemaafan yang luas.<sup>38</sup> Ini berdasarkan firman Allah SWT:

وَمَا لَكُمْ أَلَا تَأْكُلُوا مِمَّا ذُكِرَ أَسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ وَقَدْ  
فَصَلَ لَكُمْ مَا حَرَامَ عَلَيْكُمْ إِلَّا مَا أَضْطُرْتُمُ إِلَيْهِ  
وَإِنَّ كَثِيرًا لَيُضْلُلُونَ بِأَهْوَاهِهِمْ بِغَيْرِ عِلْمٍ إِنَّ رَبَّكَ  
هُوَ أَعْلَمُ بِالْمُعْتَدِينَ

Terjemahan: Dan sungguh Allah telah menjelaskan kepada kamu apa yang telah diharamkanNya ke atas kamu, kecuali apa yang terpaksa kamu memakannya.

Al-An'am: 7: 119

Berdasarkan hujah di atas, maka lirik lagu yang menggunakan terjemahan ayat al-Qur'an dan hadis adalah dibolehkan berdasarkan perbahasan ini. Islam memberi ruang yang seluasnya kepada seniman untuk berkarya. Walau bagaimanapun, ia hendaklah memenuhi beberapa syarat. Antara syaratnya adalah mesej hendaklah mengajak manusia kepada ketakwaan kepada Allah SWT, mengisahkan perjuangan para pahlawan yang gagah berani, menginsafi manusia yang ditimpa kesusahan seperti kebuluran, kemusnahan alam akibat gempa bumi, tsunami dan banjir, mengajak kepada perkara kebaikan,

---

<sup>38</sup> Yūsuf al-Qarādawī, *al-Ḥalāl wa al-Harām fī al-Islām* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1980), 15.

cinta kepada keluarga terutama ibu dan bapa, persahabatan dan kesetiaan kepada agama, bangsa dan tanah air.<sup>39</sup>

Sebaliknya, Islam melarang lirik lagu yang mengandungi unsur maksiat seperti ajakan atau galakan berzina, meminum arak dan berjudi, memaparkan kata-kata kotor, lucu, porno dan mendorong nafsu syahwat, meninggalkan solat, mendustakan Allah SWT dan para Rasul, mencaci para Sahabat r.a, menggambarkan tubuh wanita, cinta kepada dunia, menyanjung kezaliman, menjunjung tokoh dan idealisme yang menyanggah wahyu Ilahi dan lain-lain.<sup>40</sup>

**ii. Hukum Tarian Poco-poco dan Seumpamanya Menurut Perspektif Islam (MJJMFK, 12 April 2011)**

Muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan berpandangan bahawa tarian poco-poco yang dipraktikkan di Malaysia dan didakwa mempunyai kaitan secara langsung dengan ritual penganut agama Kristian masih belum dapat dibuktikan secara jelas. Justeru, kajian lebih terperinci diperlukan bagi memastikan fakta sebenar asal usul tarian tersebut apakah lagi ulama masih berselisih pandangan terhadap hukum tarian. Ada yang mengharuskan, melarang dan mengharamkan berdasarkan hujah masing-masing. Menurut mazhab Shafi'i hukum tarian adalah diharuskan (*mubāh*) kecuali jika pergerakan tersebut adalah tarian pondan iaitu menyerupai jantina yang berlawanan (lelaki seperti wanita dan sebaliknya wanita

---

<sup>39</sup> Fāruq ‘Abd al-Salām, *al-Islām wa al-Fan fī al-‘Asr al-Ḥadīth* (Kaherah: Dār al-Kalimah, 2010), 160-165; Ahmad bin ‘Abd al-Rahmān al-Tāwīl, *al-Ṣawt Ahkāmuḥ wa Tajalliyātuh*, 251-253.

<sup>40</sup> Yūsuf al-Qarāḍawī, *al-Islām wa al-Fann* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1996), 34-39.

seperti lelaki), maka ia diharamkan. Ini diperkuuhkan oleh pandangan Imam al-Ramli.<sup>41</sup>

Mazhab Hanbali berpendapat bahawa hukum tarian adalah makruh jika bertujuan untuk permainan dan harus (*mubāḥ*) jika memenuhi keperluan manusia serta tidak menyalahi syarak iaitu tarian yang berkaitan dengan peperangan.<sup>42</sup> Ini dapat difahami melalui kata-kata al-Mardawī seorang intelektual mazhab Hanbali.<sup>43</sup>

Disebutkan dalam *al-Wasīlah*, *al-Raqṣ* iaitu tarian adalah makruh dan semua yang bersifat permainan dan majlis-majlis syair.

Sebahagian mazhab Hanafi pula berpendapat makruh dan sebahagian daripada mereka mengharamkan. Antara cendiakawan yang memakruhkan tarian adalah Ibn ‘Abidīn. Beliau berkata:<sup>44</sup>

“Dan dimakruhkan semua permainan. Iaitu semua permainan, tiga perkara itu bermakna satu sebagaimana dalam huraiān *al-Ta’wilāt*, dan memuktamadkannya mencakupi perbuatan itu sendiri. Mendengarkannya sama seperti *al-raqṣ* (menari), ejekan, bertepuk tangan dan memetik viola, rabab, terompet dan simbal, maka semua itu hukumnya makruh kerana itu hiasan kaum kafir.”

<sup>41</sup> Muḥammad bin Abū al-‘Abbās Aḥmad bin Ḥamzah bin Shihāb al-Dīn al-Ramli, *Nihāyah al-Muḥṭāj ilā Sharḥ al-Minhāj*, no. 2, jil. 8 (Beirut: Dār al-Kutub, 2003), 298.

<sup>42</sup> Kamāl al-Dīn bin Jam’ah Bakru, *Hukm al-Raqṣ fī al-Fiqh al-Islāmī* (t.t.p: t.p, 2013), 26.

<sup>43</sup> ‘Alī bin Sulaymān al-Mardawī, *al-Inṣāf*, no. 1, vol. 6 (Kaherah: Ḥaq al-Ṭab’ Maḥfūz, 1956), 89.

<sup>44</sup> Kamāl al-Dīn, *Hukm al-Raqṣ*, 20.

Bagi mazhab Maliki pula, hukum tarian adalah berdasarkan situasi dan keadaan. Ini dapat diperhatikan melalui kata-kata al-Šawī:<sup>45</sup>

“Al-Raqṣ, maka para ulama fiqh berbeza pendapat; sekelompok ulama menghukumkan makruh, sekelompok lainnya menghukumkan harus dan sekelompok ulama lain membezakannya di antara orang-orang yang memiliki *aḥwāl* dan selainnya, maka hukumnya boleh bagi orang-orang yang memiliki *aḥwāl* dan makruh bagi selainnya. Inilah ucapan yang dipilih dan atas pendapat ini majoriti ulama fiqh yang membolehkan nyanyian, dan inilah mazhab para ahli sufi. Imam ‘Izz al-Dīn bin ‘Abd al-Salām berkata, “Barangsiapa yang melakukan suatu perkara yang masih ada perbedaan pendapat di antara ulama, maka tidak boleh *dita’zir* (didenda), kerana Nabi SAW bersabda: “Hindarilah menghukum dengan perkara yang masih syubhat.” Allah juga berfirman bahawa Allah tidak menjadikan kesempitan dalam agama.”

Terdapat sebuah hadis sahih riwayat Muslim yang menjadi asas hujah para ulama yang mengharuskan tarian iaitu:

Terjemahan: Telah menceritakan kepada kami Jarīr dari Hisyām dari bapanya dari ‘A’isyah r.anha dia berkata: Orang-orang Habsyah sedang menari di masjid pada hari raya. Maka Nabi SAW memanggilku, aku pun meletakkan kepala di atas pundaknya untuk melihat

---

<sup>45</sup> Ahmad al-Šāwī al-Malikī, *Hāshiyah al-Šawī*, No. 1, Vol. 2, (1926), 503.

permainan mereka sampai aku sendiri yang berhenti melihat mereka.<sup>46</sup>

Hadis di atas secara jelas menunjukkan bahawa Rasulullah SAW membenarkan ‘A’isyah r.a. untuk menyaksikan tarian orang Habsyah yang secara tidak langsung menjadi hujah tentang keharusan tarian. Namun, Ibn Ḥajar memberi komentar bahawa hadis tersebut menggambarkan situasi orang Habsyah yang menari sambil bermain-main dengan perisai dan senjata di masjid kerana ia merupakan sebahagian daripada latihan yang lazimnya dilakukan sebagai persediaan menghadapi perperangan. Maka hadis di atas tidak boleh dijadikan hujah untuk membenarkan tarian dengan tujuan untuk menghiburkan diri. Hadis yang dimaksudkan adalah:

Terjemahan: Telah menceritakan kepada kami al-Ḥasan bin ‘Alī berkata, telah menceritakan kepada kami ‘Abd al-Razzāq berkata, telah menghabarkan kepada kami Ma’mar dari Thābit dari Anas beliau berkata: Ketika Rasulullah SAW tiba di Madinah, orang-orang Habsyah bermain-main kerana gembira dengan kedatangan beliau. Mereka bermain-main sambil menari dengan alat perang mereka.<sup>47</sup>

Ulama kontemporari seperti Muḥammad al-Ghazālī, Muḥammad Sa‘īd Ramaḍān al-Buṭī dan Wahbah al-Zuhaylī berpandangan bahawa tidak semua tarian adalah haram dan tidak semua tarian adalah harus secara mutlak. Para ulama sepakat bahawa tarian adalah haram jika pergerakan tersebut menyerupai pondan iaitu lelaki yang

---

<sup>46</sup> Muslim Ibn al-Hajjaj al-Qushayrī, *Ṣaḥīḥ Muslim* (Riyadh: Dār ‘Alām al-Kutub, 2003), 893.

<sup>47</sup> Abī Dāwūd Sulaymān Ibn al-Ash’ath al-Sijistānī al-Azdi, *Sunan Abī Dāwūd* (Beirut: Dār al-Risālah al-‘Alamiyah, 2009). Hadith status: Sahih.

menyerupai wanita, berlaku percampuran antara lelaki dan wanita serta berlaku pendedahan aurat.<sup>48</sup>

Justeru, tarian dalam majlis perkahwinan oleh penari wanita dalam kalangan khalayak wanita adalah dibenarkan tanpa ada percampuran dengan lelaki.<sup>49</sup> Yūsuf al-Qarādawī membenarkan tarian kaum lelaki dalam upacara keramaian dengan syarat tidak mendedahkan aurat, tidak menyakiti orang lain, tidak melalaikan daripada menunaikan solat atau kewajipan lain dan tidak bercanggah dengan nilai akidah.<sup>50</sup>

Rumusan berkaitan dengan tarian berdasarkan hadis dan pandangan ulama adalah:

- a. Tarian oleh lelaki dibolehkan dalam situasi umum seperti majlis keraian atau keramaian atau adat budaya kebiasaan masyarakat yang tidak menyimpang daripada landasan syarak.
- b. Tarian oleh wanita di hadapan suami dibenarkan hanya untuk mereka berdua sahaja walaupun menimbulkan syahwat.
- c. Tarian oleh wanita di hadapan anak-anak perempuan dibenarkan dengan syarat gerakan tari hanya pergerakan biasa yang tidak menimbulkan syahwat.
- d. Tarian wanita di tempat yang tertutup dan khusus dipersembahkan kepada wanita sahaja dibenarkan dengan syarat tidak mendedahkan aurat.
- e. Tarian wanita di hadapan lelaki ajnabi diharamkan sama ada secara langsung atau menggunakan medium elektronik seperti tarian timur (tarian gelek), tarian ballet serta tarian lain yang boleh didapati di video klip dan Youtube.

---

<sup>48</sup> Kamāl al-Dīn, *Hukm al-Raqṣ*, 33.

<sup>49</sup> Ṣāliḥ bin Fawzān bin ‘Abd Allāh Fawzān, *al-Ghinā’ wa al-Ma’āzīf*, cet. 1 (Kaherah: Dār al-Waṣṭāḥah, 2010), 112-113.

<sup>50</sup> Yūsuf al-Qarādawī, *al-Islām wa al-Fann*, 121.

f. Semua tarian yang mengandungi ritual dan kepercayaan yang menyalahi akidah Islam serta diiringi perbuatan negatif seperti unsur arak dan seks bebas adalah diharamkan.

**iii. Pandangan Berkenaan Filem Menghina dan Mempersenda Tuhan dan Nabi Nuh a.s (MFNJoh, 4 Jun 2009)**

Fatwa Negeri Johor telah memutuskan bahawa filem *Evan Almighty* iaitu filem arahan Tom Shayac terbitan Universal Picture yang melakonkan watak Tuhan adalah haram. Fatwa ini selaras dengan pandangan ijma’ ulama daripada empat mazhab yang menjelaskan hukuman mereka yang menghina Allah SWT, RasulNya dan ayat-ayat al-Qur'an adalah wajib dibunuh kecuali kafir Zimmi. Namun, menurut Imam Malik, ahli Madinah, mazhab Hanbali dan ahli Hadis, kafir Zimmi tetap wajib bunuh. Ini disebabkan perbuatan tersebut jelas menunjukkan pencabulan terhadap keagungan Allah SWT.<sup>51</sup>

Tidak mungkin seseorang yang beriman mengungkapkan sesuatu yang bertentangan dengan hatinya kerana ada kolerasi yang signifikan antara hati dan lidah. Setiap ungkapan yang keluar daripada mulut seseorang adalah lahir daripada ketulusan hati. Jika sekiranya kata-kata hinaan atau kecaman terhadap Allah SWT dan Rasul yang diungkapkan atau ditulis hakikatnya ia menzahirkan apa yang tersurat dalam lubuk jiwa seseorang.

Selain itu, ‘Abd Allāh ‘Azīz bin ‘Abd Allāh bin Bāz menjelaskan bahawa menghina atau mempersenda Allah SWT, rasulNya dan ayat-ayat al-Qur'an merangkumi juga aspek syariat (seperti solat, puasa dan haji), akhlak dan hukum yang telah disepakati. Justeru, ia tidak terhad dalam aspek akidah sahaja. Contohnya mengatakan

---

<sup>51</sup> Ahmad Ibn ‘Abd Ḥalīm Ibn Taymiyyah, *Mukhtaṣar Shārim al-Maslūl ‘alā Shātim al-Rasūl* (Mekah: Dār ‘Ilm al-Fawā’id, 1422H), 32.

bahawa puasa dalam bulan Ramadhan tidak wajib, zakat tidak wajib dikeluarkan atau tidak wajib mengerjakan haji walaupun telah berkemampuan.<sup>52</sup>

Hal ini kerana, asas agama adalah akidah yang benar. Ia adalah swadaaya kepada rukun iman dan Islam berasaskan kepada dalil yang sahih. Manifestasi keutuhan akidah ialah ketaatan dan ketundukan kepada Allah SWT yang Maha Esa dan Maha Agong. Sebaliknya memperolok dan menghina Allah SWT, rasul-Nya dan al-Qur'an adalah penentangan terhadap hakikat keimanan.<sup>53</sup> Al-Qur'an secara tuntas menyingkap isu ini. Firman Allah SWT;

وَلِئِن سَأَلْتُهُمْ لَيُقُولُنَّ إِنَّمَا كُنَّا نَحُوا خُوضٌ وَنَلْعَبٌ قُلْ  
أَبِاللَّهِ وَعَائِيَتِهِ وَرَسُولِهِ كُنْتُمْ تَسْتَهْزِءُونَ لَا  
تَعْنَذِرُوا قَدْ كَفَرُتُمْ بَعْدَ إِيمَانِكُمْ إِنْ تَعْفُ عَنْ  
طَالِبَةِ مِنْكُمْ نُعَذِّبْ طَالِبَةً بِإِنْهُمْ كَانُوا مُجْرِمِينَ

Dan jika kamu tanyakan kepada mereka (tentang apa yang mereka lakukan itu), tentu mereka akan menjawab: Sesungguhnya kami hanya bersenda gurau dan bermain-main saja”. Katakanlah: “Apakah dengan Allah, ayat-ayat-Nya dan RasulNya kamu selalu berolok-olok?” Tidak usah kamu minta maaf, kerana kamu kafir sesudah beriman.

Al-Taubah: 9:65-66

Şâlih ‘Abdul ‘Azîz berpendapat bahawa ayat di atas menegaskan tentang status orang yang menghina dan memperolok Allah SWT, rasulNya dan al-Qur'an di mana

<sup>52</sup> ‘Abd Allah ‘Azîz Bin ‘Abd Allâh Bin Bâz, *Kayf Nuhaqqiq al-Tawhîd*, No. 4, (Riydh: Madar al-Watan li al-Nâsr, 2011), 62-65.

<sup>53</sup> Şâlih Bin Fawzân Bin ‘Abdullâh Fawzân, *al-Mulâkhas fî Sharh Kitâb al-Tawhîd*, No.1, (Riyadh: Dâr al-‘Aşîmah, 2001), 348.

hukumnya adalah kufur.<sup>54</sup> Ini diperkuuhkan oleh pandangan Ibrāhīm Ṣāleḥ yang menyatakan bahawa status kufur ini termetri sama ada penghinaan tersebut secara terang-terangan atau tersembunyi.<sup>55</sup> Bahkan ‘Abd Allāh ‘Abd al-‘Azīz al-Jibrīn menghukumkan kafir walaupun hanya sekadar gurauan atau ketika bertengkar atau dalam kondisi marah sekalipun.<sup>56</sup> Hujah mereka berasaskan bahawa menghina itu hakikatnya bertentangan dengan hakikat tauhid iaitu ketaatan, kepasrahan dan penzahiran terhadap keagungan dan kekuasaan Allah SWT. Sedangkan menghina dan mengejek sesuatu yang terdapat dalam agama dalam kondisi apa sekalipun adalah membuktikan penentangan kepada Allah SWT. Secara tidak langsung ungkapan tersebut menyerlahkan penolakan terhadap keagungan dan kekuasaan kepada Allah SWT walaupun hanya berbentuk gurauan semata-mata.

Dalam konteks filem, menghina Allah SWT atau RasulNya atau ayat-ayat al-Qur'an adalah perbuatan haram dan dilarang dalam agama. Islam membenarkan agar seniman filem menghasilkan karya kreatif kerana ia merupakan wahana pendidikan dan dakwah yang berinovasi. Namun, ia mestilah memenuhi garis panduan yang seiring dengan syarak merangkumi aspek akidah, syariah, akhlak dan ketepatan fakta.

---

<sup>54</sup> Ṣāliḥ ‘Abd al-‘Azīz bin Muḥammad, *Tamhīd li Sharḥ Kitāb al-Tawhīd* (Riyadh: Dār Tawhīd, 2002), 479.

<sup>55</sup> Ibrāhīm bin Ṣāleḥ bin Aḥmad al-Khurayṣī, *al-Tanbīḥāt al-Mukhtaṣarāh*, (Riyadh: Dār al-Šamai‘ī, 1994), 74.

<sup>56</sup> ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-‘Azīz al-Jibrīn, *Tahdīb Tashīl al-Aqīdah al-Islāmiyah*, cet. 1 (Riyadh: Maktabah al-Mulk, 1425H), 95.

**iv. Hukum Rakaman Nasyid Berbentuk Doa  
(MFNSel, 5 Februari 2007) dan Hukum Rakaman  
Lagu-lagu Nasyid Berbentuk Doa (MJMFK, 13  
Jun 2005)**

Fatwa Negeri Selangor telah memutuskan bahawa nyanyian dan seni kata yang memuji Allah dan Rasul atau keindahan makhluk Allah atau kepada tanggungjawab atau sifat bertakwa kepada Allah SWT adalah diharuskan. Muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan juga memutuskan bahawa hukum rakaman lagu-lagu nasyid berbentuk doa adalah diharuskan. Namun, Yūsuf al-Qarādawī menegaskan bahawa semua tema, isi kandungan dan lirik yang berunsur keraguan atau terpesong terhadap asas-asas keimanan seperti pendustaan kepada Allah SWT, para rasul, para sahabat, unsur syirik dan khurafat adalah dilarang kerana bercanggah dengan akidah yang benar.<sup>57</sup>

Fatwa ini adalah selaras dengan pandangan ulama besar silam dan kontemporeri seperti Abū Muḥammad ‘Alī Ibn Ahmad Ibn Sa‘īd Ibn Hazm, Yūsuf al-Qarādawī, al-Ghazālī, Maḥmud Shalṭuṭ dan Aḥmad al-Sharbaṣī yang membenarkan nyanyian. Ini bersandarkan kepada dalil daripada hadis sahih yang diriwayatkan oleh para sahabat tentang keharusannya lebih kuat berdasarkan ijmak. Antaranya hadis al-Bukhari riwayat ‘A’isyah r.a:

Terjemahan: Telah menceritakan kepada kami Al-Faḍl bin Ya‘qūb, telah menceritakan kepada kami Muḥammad bin Sābiq, telah menceritakan kepada kami Isrā’īl dari Hisyām bin ‘Urwah dari bapanya dari ‘A’isyah r.anha bahawa ia menyerahkan pengantin wanita kepada seorang lelaki Ansar. Kemudian Nabi SAW bersabda: Wahai ‘A’isyah! Apakah tidak

---

<sup>57</sup> Yūsuf al-Qarādawī, *Op. Cit.*, 39.

ada hiburan sebab orang-orang Ansar suka akan hiburan?<sup>58</sup>

Hadis di atas secara tuntas menjustifikasi tentang keizinan berhibur dalam bentuk nyanyian yang prosanya adalah syair. Selain itu, Rasulullah SAW juga pernah menegur para sahabat r.a. sekiranya terdapat mesej atau senikata lagu yang tidak menepati syarak. Hadis al-Bukhari riwayat ‘A’isyah r.a. menjadi bukti<sup>59</sup>.

Terjemahan: Telah menceritakan kepada kami Khālid bin Zakwan beliau berkata: al-Rubayyi’ binti Mu‘awwiz berkata; Suatu ketika Nabi SAW masuk ketika aku berkahwin. Lalu beliau duduk di atas tilam. Kemudian kanak-kanak wanita memukul rebana dan mengenang keistimewaan para perajurit yang gugur ketika perang Badar. Lalu salah seorang daripada mereka berkata: Dan ditengah-tengah kita ada seorang Nabi yang mengetahui apa yang terjadi esok hari. Maka Baginda SAW bersabda: Tinggalkanlah ungkapan ini, dan katakanlah apa yang engkau katakan sebelum itu.<sup>60</sup>

Ungkapan dalam lirik tersebut yang menyatakan bahawa Nabi SAW mengetahui apa yang akan berlaku esok adalah salah. Hakikatnya Allah SWT sahaja yang Maha Mengetahui setiap perkara. Oleh itu, Nabi SAW telah membetulkan lirik tersebut tetapi tidak mengharamkan nyanyian atau lirik yang lain yang tidak bercanggah dengan akidah atau hakikat sebenar.

Terdapat juga dalil dari nas-nas Islam dan kaedah yang telah diriwayatkan oleh penduduk Madinah yang

---

<sup>58</sup> Ahmad Ibn ‘Alī Ibn Muḥammad Ibn Hajar al-Asqalānī, *Fath al-Bārī*, Hadith 5162 (Riyadh: Dār al-Tibāh, 2011).

<sup>59</sup> *Ibid.*

<sup>60</sup> *Ibid.*

terkenal dengan kewarakannya, juga golongan al-Zahiriyyah yang berpegang kepada nas secara *harfiyyah* dan menurut zahirnya serta golongan sufi yang secara ketat menggunakan ‘azīmah berbanding *rukhsah* menjadi hujah keharusan nyanyian. Di samping itu, dua tokoh intelektual Islam yang banyak memberi solusi agar nyanyian mengikut piawaian syariah adalah Muḥammad al-Ghazālī dan Yūsuf al-Qarāḍawī. Bezanya mereka menggunakan istilah yang berlainan. Muḥammad al-Ghazālī menggunakan istilah kriteria manakala Yūsuf al-Qarāḍawī memilih istilah syarat. Apapun mereka berdua berbicara pada ufuk yang sama iaitu berkaitan dengan isi kandungan, penyanyi, suasana dan medium.

Dalam konteks doa pula, Islam telah memberi perhatian yang besar agar umatnya berdoa dalam kondisi apa pun terutama dalam situasi kesusahan dan kesulitan. Malah doa boleh dilakukan dengan pelbagai cara dan pendekatan. Oleh itu, nyanyian dalam bentuk doa adalah merupakan salah satu manifestasi seorang hamba bermonolog kepada Allah SWT.

Justeru, lagu-lagu nasyid berbentuk doa diharuskan dalam Islam selagi mana nyanyian dan seni kata tersebut memuji Allah SWT dan Rasul SAW, berkenaan keindahan makhluk Allah SWT atau ajakan bertakwa kepada Allah SWT. Ia juga mestilah tertakluk kepada garis panduan syarak seperti penyanyi mestilah menutup aurat, tidak menimbulkan fitnah, tidak biadap dan mendorong kepada maksiat serta tidak bercampur gaul di antara lelaki dan wanita serta bercanggah dengan akidah. Jika sekiranya terdapat ayat al-Qur’ān yang digunakan sebagai nasyid maka ia hendaklah dibaca mengikut hukum tajwid yang betul dengan menjaga sifat dan makhraj huruf, panjang dan pendek, dengung atau tidak dan waqaf yang sempurna.

## v. Amalan Kebatinan dalam Kesenian Tradisi Masyarakat Melayu (MJMFK, 2007)

Muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan memutuskan bahawa amalan-amalan kebudayaan dan kesenian tradisional yang mengandungi unsur-unsur mistik dan kebatinan serta khurafat adalah ditegah kerana ia boleh menjelaskan akidah umat Islam.

Fatwa ini selaras dengan pandangan ‘Alī Bin ‘Alī Bin Muḥammad al-Dimashqī yang menjelaskan bahawa ajaran Islam adalah berpaksikan akidah yang sejahtera yang terangkum dalam rukun Iman dan Islam. Ia melahirkan manusia yang tunduk dan patuh kepada Allah SWT secara total berpandukan acuan Rasulullah SAW serta berasaskan dua kalimah syahadah (*shahādatāin*).<sup>61</sup> Islam memerangi syirik dan sebarang kepercayaan yang menyeleweng serta sesat sama ada dalam bentuk fahaman atau ritual perlakuan.

Abdul Rauf al-Fansuri pula menyatakan bahawa pendekatan akidah berasaskan mentauhidkan Allah SWT dengan sifat-sifatNya iaitu sifat wajib, mustahil dan harus adalah pendekatan yang ampuh dalam mendidik dan mananamkan doktrin keimanan<sup>62</sup> (diklasifikasikan kepada empat kategori iaitu *nafsiyah*, *salbiyah*, *ma’nawiyah* dan *ma’ani*). Ia berpaksikan daripada ajaran Ahli Sunnah wa al-Jama‘ah yang bertunjangkan kepada al-Qur'an dan al-Sunnah. Disiplin pendekatan ini mengintegrasikan secara harmonis antara asas dalil naqli yang menghasilkan *ilm al-yaqīn* dan rasional yang berpaksikan kekuatan akal. Ini diperkuuhkan oleh pandangan Syed Muhammad Naquib al-Attas yang menjelaskan bahawa unsur rasionalisme berupaya mengubah minda ke arah kepercayaan kepada

<sup>61</sup> ‘Alī Bin ‘Alī Bin Muḥammad al-Damshqī, *Sharḥ al-‘Aqīdah al-Tāhāwiyyah*, No. 2, (Beirut: Maktabah al-Muayyid, 1988), 16.

<sup>62</sup> Abd al-Ra’uf al-Fansuri, ““Umdat al-Muhtajin ila Suluk Maslak al-Mufradin”, *Manuscript MS 1314* Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 1-5.

ketuhanan yang tunggal; yang kudratNya terhukum pada hikmahNya; yang iradahNya berjalan selaras dengan akal yang akhirnya mampu menolak kepercayaan karut, tahuul dan khurafat.<sup>63</sup>

Justeru, visi perutusan para Rasul oleh Allah SWT adalah untuk menegakkan akidah yang benar iaitu agar manusia keseluruhannya mengabdikan diri hanya kepada Allah SWT dan menolak segala bentuk kesyirikan<sup>64</sup>. Terdapat banyak ayat al-Qur'an yang menegaskan perkara ini dalam variasi gaya bahasa yang pelbagai. Antaranya:

وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا

Sembahlah Allah dan janganlah kamu mempersekuatkan-Nya dengan sesuatu apapun.

Al-Nisa': 4:36

Menurut Wahbah Zuhaylī ayat ini secara tegas memerintahkan agar manusia menyembah Allah SWT sahaja sebagai manifestasi swadaya secara total dalam ketundukkan dan ketaatan kepadaNya. Justeru, melaksanakan ibadah dengan penuh keikhlasan sama ada dalam bentuk perlakuan anggota badan atau hati yang penuh khusyuk mengingatiNya. Sebaliknya perbuatan syirik adalah suatu kezaliman yang nyata.

Isu kebatinan dalam keseniaan tradisi masyarakat Melayu khususnya filem, lazimnya mengandungi unsur-unsur mistik, mitos dan syirik. Ia sangat sinonim dengan elemen perbomohan yang menyeru jin dengan menggunakan mentera atau jampi,<sup>65</sup> perjanjian dengan

<sup>63</sup> Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, cet. 4. (Petaling Jaya: ABIM, 1990), 19-21.

<sup>64</sup> Muhammed Bin Šālih al-‘Uthaymin, *al-Qawl al-Mufrid ‘alā Kitāb al-Tawhīd*, No. 1, Vol. 1, (Riyadh: Dār al-‘Āsimah, 1986), 47-49.

<sup>65</sup> Ismail Bob Hashim, *Filem Nangkrong*, (Metrowealth Movie Production, 2012), durasi 00:13-18

syaitan<sup>66</sup> (seperti hisap darah untuk kecantikan<sup>67</sup>), seru roh atau hantu (seperti di kubur atau lokasi untuk dapatkan nombor ekor) dan khurafat serta tasyul (seperti mayat hidup dan roh tidak akan tenteram sehingga hajatnya tercapai).<sup>68</sup>

Dalam konteks pematuhan syariah dan pemeriksaan akidah pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) selaku badan berautoriti telah mengambil inisiatif yang strategik bagi memastikan ajaran Ahli Sunnah wa al-Jama‘ah terpelihara dan dikuatkuasakan. Pihak JAKIM telah menerbitkan empat (4) garis panduan khusus berkaitan filem yang boleh digunakan kepada karyawan filem sama ada penulis skrip, pengarah dan penerbit filem iaitu;

- i) Garis Panduan Hiburan dalam Islam (edisi 2).<sup>69</sup>
- ii) Garis Panduan Penapisan Bahan Penerbitan Berunsur Islam.<sup>70</sup>
- iii) Garis Panduan Penapisan Kandungan Bahan-bahan Penyiaran Berunsur Islam.<sup>71</sup>
- iv) Garis Panduan Bahan Penerbitan Bercetak dan Audio Visual Berhubung dengan Unsur-unsur yang Bercanggah dengan Akidah Ahli Sunnah wal-Jamaah.<sup>72</sup>

---

<sup>66</sup> Syamsul Yusof, *Filem Khurafat*, (Skop Production, 2001), durasi 1:05:39

<sup>67</sup> Ismail Bob Hashim, *Filem Sumpahan Kum-Kum*, (Metrowealth Movie Production, 2012), durasi 00:04:48

<sup>68</sup> Syamsul Yusof, *Filem Khurafat*, durasi 6:27.

<sup>69</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, “Garis Panduan Hiburan dalam Islam”, edisi ke-2, (Putrajaya: JAKIM, 2015).

<sup>70</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, “Garis Panduan Penapisan Bahan Penerbitan Berunsur Islam”, edisi ke-2, (Putrajaya: JAKIM, 2015).

<sup>71</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, “Garis Panduan Penapisan Kandungan Bahan-bahan Penyiaran Berunsur Islam”, edisi ke-2, (Putrajaya: JAKIM, 2015).

<sup>72</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, “Garis Panduan Bahan Penerbitan Bercetak dan Audio Visual Berhubung dengan Unsur-unsur yang

Semua garis panduan ini merupakan hasil Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan kali ke-107 yang telah diadakan pada 10-11 Februari 2015. Kandungan garis panduan hiburan ini menyentuh lima item penting iaitu artis, persembahan, lagu, penganjuran dan klip video. Dalam item artis garis panduan memfokuskan kepada aspek keperibadian dan penampilan sementara persembahan menyentuh seni pentas, nyanyian dan tarian. Item lagu pula memperincikan lokasi, masa, kelulusan dan percampuran lelaki dan wanita manakala klip video menyentuh mesej, visual dan unsur positif.

Garis panduan bahan penerbitan berunsur Islam, penapisan kandungan bahan-bahan penyiaran berunsur Islam dan bahan penerbitan bercetak dan audio visual berhubung dengan unsur-unsur yang bercanggah dengan akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah adalah berstatus penerbitan dalaman bukan untuk hebahan umum. Garis panduan bahan penerbitan berunsur Islam menyorot isu-isu akidah, sumber hukum dan pegangan mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah serta fatwa dan pendapat jumhur ulama’. Garis panduan penapisan kandungan bahan-bahan penyiaran berunsur Islam pula adalah penambahbaikan daripada garis panduan bahan penerbitan berunsur Islam. Beberapa aspek dimasukkan seperti pelakon (lakonan dan ungkapan) dan satu item berkaitan akhlak secara umum (tidak mengandungi unsur-unsur yang bercanggah dengan akhlak). Garis panduan yang terakhir iaitu bahan penerbitan bercetak dan audio keseluruhannya berkaitan dengan akidah.

Pihak JAKIM juga sentiasa menjadi rujukan utama oleh pihak Lembaga Penapisan Filem (LPF). Semua filem akan dinilai dan ditapis dari aspek isi kandungan dan tema

---

Bercanggah dengan Akidah Ahli Sunnah wal-Jamaah”, edisi ke-2, (Putrajaya: JAKIM, 2015).

sebelum sesebuah filem ditayangkan ke pawagam. Jelas peranan yang dimainkan oleh JAKIM sangat signifikan bagi memastikan semua karyawan filem mengambil berat aspek yang menyangkut elemen agama khususnya elemen akidah.

### **Rumusan**

Secara umumnya, terdapat enam fatwa berkaitan akidah dalam penerbitan filem yang telah dikeluarkan dari tahun 2005 sehingga 2018 yang melibatkan dua pihak berautoriti. Tiga fatwa adalah dikeluarkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Majlis Fatwa Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam (MJMFK) dan tiga fatwa lagi dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Negeri iaitu dua fatwa daripada negeri Selangor dan satu daripada negeri Johor. Fatwa-fatwa berkaitan akidah dalam filem adalah signifikan dan membuktikan keperihatinan pihak berautoriti dalam isu yang melibatkan kesucian dan sensitiviti agama. Bagi tujuan penambahbaikan, langkah pemerkasaan fatwa berkaitan akidah dalam penerbitan filem hendaklah diperkasakan dengan lebih komprehensif agar penerbitan filem negara mampu menjadi tonggak kesenian yang direndai dan membimbing masyarakat ke arah ketaatan serta ketakwaan kepada Allah SWT.

### **Penghargaan**

Artikel ini merupakan hasil penyelidikan di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) bertajuk Pembinaan Modul Patuh Syariah dalam Penerbitan Filem dan Drama Islam di Malaysia. Kod: FRGS/1/2016/SS/UM/02/9.

### **Rujukan**

- Abd. Jalil Borham. *Pengantar Perundangan Islam*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia, 2002.
- Ab. Halim Tamuri dan Zarin Ismail. “Pengaruh Media Massa Terhadap Pegangan Nilai Akhlak Remaja: Kajian Ke Atas Fakir Miskin di Kawasan Luar Bandar”,

- (Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modernisme (SIVIC 2004), Hotel City Bayview Langkawi), 4-6 September 2004.
- Abdullah Sulung dan Mawaddah Abdullah. *Pengaruh Media Elektronik Terhadap Keruntuhan Akhlak Pelajar*. t.t: t.p, 2010.
- Abdul Halim al-Muhammady. *Pengaruh Madhhab Shafii dan Masalah Kaum Muda di Malaysia*. Kajang: Sincere Press Sdn. Bhd, 1982.
- 'Abdullāh Fawzān, Ṣalīḥ bin Fawzān bin. *Al-Mulākhaṣ fī Sharḥ Kitāb al-Tauhīd*. No. 1. Riyād: Dār al-'Aṣīmah, 2001.
- 'Abdullāh Fawzān, Ṣalīḥ bin Fawzān bin. *Al-Ghinā' wa al-Ma'āzīf*. No. 1. Kaherah: Dār al-Waṣṭāḥ, 2010.
- Abī Dāwūd, Sulaymān Ibn al-Ash'ath al-Sijistānī al-Azdī. *Sunan Abī Dawūd*. Beirut: Dār al-Risālah al-'Alamiyah, 2009.
- Ahmad Hidayat Buang. "Analisis Fatwa-fatwa Syariah di Malaysia." dalam Fatwa di Malaysia, disunting oleh Ahmad Hidayat Buang. Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-undang Universiti Malaya, 2004.
- Ahmad Ibrahim et. al. "Islamization of The Malay Archipelago and The Impact of al-Syafi'i Madhhab on Islamic Teaching And Legislation In Malaysia." Kertas Kerja International Seminar on Imam al-Syafi'i, Petaling Jaya: Universiti Islam Antarabangsa, 1990.
- Arik Sanusi Yeop Johari. "Penyalarasan Fatwa di Malaysia: Kekangan dari Aspek Perundungan." dlm. Monograf al-Ifta" (Siri 1), disunting oleh Hajah Wan Morsita Wan Sudin (eds.), 74-86. Selangor: JAKIM, 2001.
- Al-Asqalānī, Aḥmad Ibn 'Alī Ibn Muḥammad Ibn Ḥajar. *Fath al-Bārī*. Riyad: Dār al-Tibāḥ, 2011.
- Azarian, Zoheir Sabaghpoor, "Influence of Media Viewing Habits on Attitude towards Aggression among Scholboys at International School in Kuala Lumpur",

- tesis sarjana, Institut Pengajian Sains Sosial: Universiti Putra Malaysia, 2009.
- Azlini Asaari dan Jamaluddin Aziz. "Mencabar Ideologi Maskulin: Wanita dan Saka dalam Filem Seram di Malaysia", *Jurnal Komunikasi*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Vol. 19, 2013.
- Azizi Yahaya, et al. "Pengaruh Media Berunsur Agresif dan Kesannya Terhadap Tingkahlaku Pelajar Sekolah Menengah", Proceeding of National Action Research Conference, 2014.
- Bāz, ‘Abd Allah ‘Azīz Bin ‘Abd Allāh. *Kayf Nuḥaqiq al-Tawḥīd*. No. 4. Riyadh: Madar al-Waṭan li al-Naṣr, 2011.
- Al-Dimashqī, ‘Alī Bin ‘Alī Bin Muḥammad. *Sharḥ al-‘Aqīdah al-Taḥāwiyyah*. Beirut: Maktabah al-Muayyid, 1988.
- Fāruq ‘Abdul Salām. *Al-Islām wa al-Fann fī al-‘Asr al-Hadīth*. Kaherah: Dār al-Kalimah, 2010.
- Faridah Mat. "Unsur-unsur yang Bertentangan dengan Akidah Islam dalam Filem Bollywood", tesis sarjana, Universiti Malaya: Kuala Lumpur, 2006.
- Hamidullah, Muhammad. *Introduction to Islam*, vol. 2, International Islamic Federation of Student Organization, 1983.
- Hooker, M.B *Reading in Malay Adat Law*. Singapore: University Malaya Press, 1970.
- Ibn Taymiyah, Aḥmad Ibn ‘Abd Ḥalīm. *Mukhtaṣar Shārīm al-Maslūl ‘alā Shātim al-Rasūl*. No. 1. Mekah: Dār ‘Ilm al-Fawā'id, 1422H.
- Ibn Taymiyah, Aḥmad Ibn ‘Abd Ḥalīm. *Qā’idah ‘Aẓīmah*. No. 2. Riyadh: Dār al-‘Aṣīmah, 1997.
- Ibrāhim Bin Ṣalīḥ Bin Aḥmad al-Khuraysī. *Al-Tanbīḥāt al-Mukhtaṣārah*. Riyadh: Dār al-Ṣāmai‘ī, 1994.
- Idris Awang dan Tengku Sarina Aini. "Pembudayaan Mazhab Syafi'i dalam Masyarakat Islam di Malaysia." *Jurnal Fiqh*, Vol. 4, 2007.

- Ismail Bob Hashim. *Filem Nangkrong*. Metrowealth Movie Production, 2012.
- Ismail Bob Hashim. *Filem Sumpahan Kum-Kum*. Metrowealth Movie Production, 2012.
- Jasni Sulong. "Pemeliharaan Akidah Islam: Analisa daripada Sudut Penguatkuasaan Undang-undang dan Fatwa di Pulau Pinang", *Jurnal Afkar*, Universiti Malaya, jilid ke 18, isu Khas, 2016.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, "Garis Panduan Hiburan dalam Islam", edisi ke-2. Putrajaya: JAKIM, 2015.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, "Garis Panduan Penapisan Bahan Penerbitan Berunsur Islam", edisi ke-2. Putrajaya: JAKIM, 2015.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, "Garis Panduan Penapisan Kandungan Bahan-bahan Penyiaran Berunsur Islam", edisi ke-2. Putrajaya: JAKIM, 2015.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, "Garis Panduan Bahan Penerbitan Bercetak dan Audio Visual Berhubung dengan Unsur-unsur yang Bercanggah dengan Akidah Ahli Sunnah wal-Jamaah", edisi ke-2. Putrajaya: JAKIM, 2015.
- Al-Jibrīn, 'Abd Allāh bin 'Abd al-'Azīz. *Tahdīb Tashīl al-Aqīdah al-Islāmiyah*, cet. 1. Riyad: Maktabah al-Mulk, 1425H.
- Juliana Abdul Wahab dan Mahyuddin Ahmad. "Filem Box Office dan Ideologi: Satu kajian Terhadap Filem-filem Terpilih di Malaysia". *Journal of Arts Discourse*, Vol. 8, 2009.
- Kamaluddin Bin Jam'ah Bakru. *Hukm al-Raqṣ fī al-Fiqh al-Islāmī*, 2013.
- Luqman haji Abdullah et. al. "Kedudukan Mazhab Syafi'i dalam Fatwa-Fatwa Zakat di Malaysia: Sorotan Fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan from 2000-2010".

- Al-Maqdisī, ‘Abd Allāh Ibn Muflīḥ. *Al-Adāb al-Shar‘iyah*. No. 3. Vol. 2. Beirut: Mu’assasah al-Risālah, 1999.
- Al-Mardawī, ‘Alī Bin Sulaymān. *Al-Inṣāf*. No. 1. Vol. 6. Ḥaq al-Ṭab‘ Maḥfūz, 1956.
- Al-Malikī Aḥmad al-Ṣawī. *Hāshiyah al-Ṣawī*. No. 1. Vol. 2, 1926.
- Al-Malikī, Muḥammad Bin Farḥūn. *Tabshīrah al-Hukkām*. Vol. 2. Riyadh: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003.
- Mohd Sulaiman Hj. Yasin. *Pengantar Akidah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987.
- Monika Munirah Abd Razzak et al., “Pengaruh Filem Terhadap Akidah Muslim: Analisis Unsur-unsur Syirik dalam Tiga Filem Seram”, International Conference on Islamic Jurisprudence (ICIJ) 2016, Krabi Front Bay Resort, Krabi, Thailand, 29 oktober, 2016.
- Muhammad, Ṣāliḥ ‘Abd al-‘Azīz bin. *Tamhīd li Sharḥ Kitāb al-Tawḥīd*. No. 1. Riyadh: Dār Tawḥīd, 2002.
- Muslim Ibn al-Hajjāj al-Quṣayrī. *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Nawāwi*. Riyadh: Dār ‘Alam al-Kutub, 2003.
- Naim Hj Ahmad. *Filem Islam Satu Perbicaraan*, Shah Alam, Selangor: Uni-N Production Sdn. Bhd., 2011.
- Noor Naemah Abd Rahman, Abdul Karim Ali dan Ridzwan Ahmad. 2004. “Keterikatan Fatwa Kepada Mazhab Syafi‘i: Analisis Terhadap Fatwa- Fatwa Jemaah Ulama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.” Dlm. Prosiding Seminar Kebangsaan Usul Fiqh 2004 (SUFİ 2004), disunting oleh Irwan Mohd Subri, Abidah Abdul Ghafar, Abdul Manan Ismail, Azman Ab Rahman dan Farida Zou Zou. Fakulti Syariah dan Undang-undang, Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Noor Naemah Abd Rahman, Abdul Karim Ali, Rahimin Affandi Abd Rahim dan Raihanah Azahari. 2005. “Metode Pengeluaran Fatwa Diantara Jawatankuasa

- Fatwa Kebangsaan Malaysia (JFK) dan Majlis Ulamak Indonesia (MUI) Analisis Perbandingan." Dibentang di Seminar Antarabangsa Hubungan Indonesia-Malaysia 2005, Fakulti Komunikasi dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia, 7-8 Ogos 2005.
- Noresah Baharom. *Kamus Dewan*. No. 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007.
- Al-Qādī 'Iyyād, *Sharḥ al-Shīfā'*. No. 1. Vol. 2. Beirut: Dār al-Kutub al-'Alamiyyah, 2001.
- Al-Qarādawī, Yūsuf. *Al-Halāl wa al-Harām fī al-Islām*. Kaherah: Maktabah Wahbah, 1980.
- Al-Qarādawī, Yūsuf. *Al-Islām wa al-Fann*. Kaherah: Maktabah Wahbah, 1996.
- Al-Ramlī, Muḥammad bin Abū al-'Abbās Ahmad bin Hamzah bin Shihābuddīn. *Nihāyah al-Muḥtāj ilā Sharḥ al-Minhāj*. No. 2. Vol. 8. Beirut: Dār al-Kutub, 2003.
- Risālah fī Hukm al-Ghīna bi al-Qur'ān, laman web rasmi Mimbar al-Tauhīd wa al-Jihād, 7 Februari 2017.
- Al-Sha'rāwī, Muḥammad Mutawallī. *Al-Mukhtaṣar al-Mukhtār min Tafsīr al-Sha'rāwī li al-Qur'an al-'Azīm*, Vol. 1. Kaherah: Dār al-Rawḍah, 2009.
- Siti Aisyah Hadi Munir dan Muhammad Faisal Asha'ari. "Kesan Filem Seram terhadap Pegangan Agama: Suatu Tinjauan Literatur", *Jurnal Al-Hikmah*, Vol. Ke-9, 2017.
- Syamsul Yusof. *Filem Khurafat*. Skop Production, 2001.
- Al-Tāwīl, Aḥmad Bin 'Abdul Raḥmān. *Al-Ṣawt Ahkāmuḥ wa Tajalliyātuhū*. t.t.p: Maktabah al-Rushd, 2010.
- Thābit, Nu'mān bin. *Fatāwā Hindiyah*. No. 2. Vol. 2. Misr: Maṭba'ah al-Kubrā al-Amiriyyah, 1320H.  
[http://www.ilmway.com/site/maqdis/MS\\_22544.html](http://www.ilmway.com/site/maqdis/MS_22544.html).
- Al-'Uthaymin, Muḥammad Bin Ṣalīḥ. *Al-Qawl al-Mufrīd 'alā Kitāb al-Tawhīd*. No. 1. Vol. 1. Riyadh: Dār al-'Āsimah, 1986.
- Wan Norina Wan Hamat, et al, "Pengaruh Media Massa Terhadap Penampilan Akhlak Pelajar Islam Politeknik

Hajar Opir et.al., "Analisa Fatwa Berkaitan Akidah Dalam Filem di Malaysia," *Afkār* Special Issue 1 (2020): 137-172

Malaysia", *The Online Journal of Islamic Education*, Vol. 1, 2013.

Yegar, Moshe. Islam and Islamic Institutions in British Malaya: Policies and Implementation. Jerusalem: The Hebrew University Magnes Press, 1979.

Zaini Nasohah. "Undang-undang Penguatkuasaan Fatwa di Malaysia." *Jurnal Islamiyyat*, Vol. 27(1), 2005.

Al-Zuhaylī, Wahbah. *Tafsīr al-Munīr fī al-‘Aqīdah wa al-Shāri‘ah wa al-Manhaj*. No.1. Beirūt: Dār al-Fikr al-Mu‘āşir, 1991.

